



## PERUTUSAN Pengerusi

***(MESYUARAT JKTNg Bil. 5/2012 PADA 29 MEI 2012)***

---

### **1. PEMBATALAN PEMANSUHAN PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM BILANGAN 2 TAHUN 2002 : GARIS PANDUAN PEMBERIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM**

Ketua Pengarah MAMPU pada 10 Mei 2012 telah membatalkan Pemansuhan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2002 : Garis Panduan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Anggota Perkhidmatan Awam. Pembatalan tersebut selaras dengan keputusan Kerajaan untuk mengekalkan Sistem Saraan Malaysia. Dengan itu, Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2002 : Garis Panduan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Anggota Perkhidmatan Awam **dikuatkuasakan semula** bagi membolehkan pelaksanaan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang anggota perkhidmatan awam diteruskan pada tahun 2012.

## **2. PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK KHAS NEGERI PAHANG**

[a] Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) ICU JPM Bil. 4/2012 yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Datuk Haji Shukry bin Mohd Salleh pada 18 Mei 2012 yang lalu memutuskan supaya ICU JPM dan SDO Pahang mengadakan perbincangan dengan Agensi Pelaksana berkenaan bagi mempercepatkan pelaksanaan projek Khas di Negeri Pahang.

[b] Mesyuarat juga memutuskan perkara berikut:

- 1) semua Agensi Pelaksana berkenaan hendaklah memberi pertimbangan terhadap permohonan daripada kontraktor untuk mendapatkan bayaran pendahuluan bagi setiap projek yang bernilai melebihi RM200 ribu hingga RM500 ribu mengikut peraturan semasa yang berkuatkuasa seperti Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5/2009;
- 2) semua Agensi Pelaksana berkenaan perlulah membuat pembayaran interim ke atas projek yang dilaksanakan melalui sebutharga mengikut kemajuan kerja; dan
- 3) semua Agensi Pelaksana berkenaan perlu meningkatkan pemantauan ke atas projek masing-masing.

[c] SDO Pahang telah diarahkan untuk mengenalpasti Agensi Pelaksana berkenaan yang tidak melaksanakan bayaran mengikut kemajuan kerja dan tidak mengadakan lawatan tapak secara berkesan. Senarai ini dikehendaki disediakan dan dikemukakan kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang untuk tindakan selanjutnya.

### **3. PEMBAYARAN MELALUI EFT (*ELECTRONIC FUND TRANSFER*)**

Pelaksanaan pembayaran secara EFT telahpun bermula pada tahun 2008, namun penggunaannya masih tidak digunakan sepenuhnya kepada semua jenis pembayaran. Oleh yang demikian **bermula 21 Mei 2012**, semua jenis pembayaran mestilah dilakukan secara EFT kecuali tujuan/ jenis pembayaran seperti **Lampiran A** yang telah diedarkan oleh Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang kepada semua Pengawai Pengawal dan semua Ketua Pusat Tanggungjawab Negeri Pahang dalam surat bertarikh 21 Mei 2012. Sebarang kemusykilan dan pertanyaan lanjut bolehlah berhubung dengan Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang.

#### **4. LAPORAN PEMBAYARAN BIL KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI BULAN APRIL 2012**

[a] Prestasi Pembayaran Bil Kerajaan Negeri Pahang pada bulan April 2012 yang telah dibayar dalam tempoh 14 hari adalah 99.75% manakala 0.19% (23 bil) dibayar melebihi 14 hari.

[b] Jabatan berkenaan di mana bil-bil yang dibayar melebihi tempoh 14 hari ialah;

i)	Jabatan Pertanian Pahang	- 9 bil
ii)	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pahang	- 5 bil
iii)	Jabatan Perhutanan Negeri Pahang	- 2 bil
iv)	Jabatan Kerja Raya	- 2 bil
v)	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	- 1 bil
vi)	Jabatan Agama Islam Pahang	- 1 bil
vii)	Mahkamah Syariah Pahang	- 1 bil
viii)	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan	- 1 bil
ix)	Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis	- 1 bil